



## **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **LAWATAN KERJA MENTERI BELIA DAN SUKAN KE NEGERI SABAH**

---

1. YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan (KBS) telah mengadakan lawatan kerja satu hari ke negeri Sabah pada 6 Februari 2023.
2. Dalam lawatan kerja berkenaan, beliau telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah bagi membincangkan cadangan konsep baharu Sukan Malaysia (SUKMA) serta pembangunan sukan di negeri Sabah, memandangkan negeri ini mempunyai banyak potensi dalam membangunkan sukan di Malaysia.
3. Selain itu, YB Menteri Belia dan Sukan turut mengadakan beberapa lawatan turun padang di sekitar Kota Kinabalu. Lawatan dimulakan di Darau Sedi Belud Traditional Archery Club untuk melihat infrastruktur sukan tradisi memanah di Kampung Darau, Menggatal. Seterusnya ke Stadium Ragbi Likas bagi memantau projek yang terbengkalai agar ia dapat diteruskan dengan kadar segera. Beliau juga turut melawat Stadium Likas, Kompleks Sukan Kota Kinabalu bagi melihat sendiri keadaan fasiliti yang sedia ada.
4. YB Menteri Belia dan Sukan juga mengadakan pertemuan bersama atlet-atlet renang Penampang Preppies Club di Kompleks Sukan Penampang. Kompleks renang ini telah menjadi pusat latihan dan pembangunan kepada 120 orang perenang di Sabah yang berumur lingkungan 6 hingga 18 tahun.

5. Lawatan berikutnya, beliau telah mengadakan pertemuan bersama pemain-pemain ragbi wanita pasukan Sabah U17 di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Michael, Penampang. Lawatan ini bertujuan untuk melihat sendiri kegigihan para atlet menjalani latihan dan memberi sokongan moral kepada mereka untuk terus berusaha demi kejayaan sukan ragbi Sabah.
6. Pengisian lawatan YB Menteri Belia dan Sukan ke Sabah ini turut disusuli dengan lawatan ke Layang-Layang Flying Academy bagi mendengar taklimat potensi industri *sports aviation* dan penglibatan belia wanita dalam sektor penerbangan. Lawatan diakhiri dengan menyantuni petugas-petugas di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Sabah.
7. Lawatan kerja ke Sabah ini merupakan salah satu usaha YB Menteri Belia dan Sukan untuk hadir lebih kerap ke Sabah dan Sarawak untuk melihat sendiri infrastruktur dan perkembangan pembangunan sukan di sini dan bersedia dalam menyediakan intervensi yang diperlukan oleh Kerajaan Persekutuan. Negeri Sabah merupakan lawatan keempat Menteri Belia dan Sukan selepas lawatan kerja ke Negeri Johor, Sarawak dan Kelantan baru-baru ini.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**  
**7 FEBRUARI 2023**